



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**



# DASAR PERPADUAN NEGARA





**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

# **DASAR PERPADUAN NEGARA**

**“Perpaduan dalam Kepelbagaian”**

ISBN 978-983-41412-9-5



Hak cipta/Copyright© Kementerian Perpaduan Negara

### **Hak Cipta Terpelihara**

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Perpaduan Negara.

### **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,  
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya



# KANDUNGAN

PERKARA	M/S	PERKARA	M/S
<b>PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI</b>	i	Strategi 2 : Meningkatkan Pemahaman Dan Penghayatan Sejarah Malaysia	24
<b>KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA</b>	ii	Strategi 3 : Memperkukuh Integrasi Nasional	25
<b>PRAKATA YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA</b>	iii	TERAS PERPADUAN 2 : Identiti Nasional	26
<b>PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA</b>	iv	Strategi 1 : Mengukuhkan Peranan Bahasa Sebagai Medium Integrasi Perpaduan	27
<b>1. PENGENALAN</b>		Strategi 2 : Mengukuhkan Kefahaman Agama, Budaya Dan Adat Resam Pelbagai Etnik	28
Evolusi Perpaduan	3	Strategi 3 : Membentuk Masyarakat Berkeperibadian Tinggi, Berintegriti Dan Berakhlak Mulia	29
Menyusur Jejak Perpaduan	4	TERAS PERPADUAN 3 : Ekosistem Perpaduan	30
Konsep Perpaduan	5	Strategi 1 : Memantapkan Keberkesanan Komunikasi Bagi Meningkatkan Kesedaran Sosial Dalam Masyarakat	31
Pengukuran Kemakmuran Malaysia	6	Strategi 2 : Mengekalkan, Membina Dan Mengukuhkan Tapak Integrasi Perpaduan	32
• Peringkat Antarabangsa	6	Strategi 3 : Memperkasakan Jentera Perpaduan Melalui Kerjasama Strategik	33
• Peringkat Nasional	8	Strategi 4 : Memantapkan Dan Memperkasakan Institusi Keluarga Dan Komuniti	34
<b>2. ISU DAN CABARAN PERPADUAN</b>		Strategi 5 : Meningkatkan Penguatkuasaan Undang-undang Dan Keberkesanan Mekanisme Pemantauan	35
Defisit Sosial	10	Strategi 6 : Memperkukuh Peranan Pemimpin Sebagai Pemangkin Perpaduan	36
Etnisiti	11	<b>6. PEMBOLEH DAYA PERPADUAN</b>	
Agama	11	PEMBOLEH DAYA 1 : Meningkatkan Peluang Ekonomi Yang Saksama	39
Kelas Sosial	11	PEMBOLEH DAYA 2 : Memperkasakan Kumpulan Minoriti Dan Rentan Ekonomi	39
Pendidikan	11	PEMBOLEH DAYA 3 : Mengukuhkan Jaringan Perlindungan Sosial Dan Memperkasakan Inovasi Sosial	40
Bahasa	12	PEMBOLEH DAYA 4 : Merapatkan Jurang Pembangunan Dan Kebolehcapaian Antara Negeri Dan Wilayah	41
Jurang Generasi	12	<b>7. KESIMPULAN</b>	42
Gender	12	<b>8. GLOSARI</b>	43
Politik Federalisme	12	<b>9. KREDIT EDITORIAL</b>	44
Ruang Bandar-Desa	13		
Media	13		
<b>3. ASAS PEMBANGUNAN DASAR PERPADUAN NEGARA</b>			
Perlembagaan Persekutuan	15		
Rukun Negara	16		
<b>4. DASAR PERPADUAN NEGARA</b>			
Pernyataan Dasar	18		
Objektif Dasar	18		
<b>5. TERAS PERPADUAN</b>			
TERAS PERPADUAN 1 : Patriotisme Dan Demokrasi	22		
Strategi 1 : Meningkatkan Literasi, Pemahaman Dan Penghayatan Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara Sebagai Asas Amalan Hidup	23		





## PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Gagasan perpaduan rakyat negara ini membabitkan sejarah yang panjang dan berliku. Setiap kejayaan yang kita kecapai pada hari ini bukanlah hasil daripada satu perjalanan yang mudah.

Untuk berada pada tahap kita berada sekarang, pelbagai cabaran, onak dan duri telah sama-sama diharungi. Sudah tentunya kejayaan ini menuntut pengorbanan, persefahaman, kerjasama dan toleransi setiap lapisan masyarakat.

Kunci utama kejayaan kita ialah **perpaduan dalam kepelbagaian** yang kita miliki. Keupayaan seluruh rakyat meraikan kemajmukan etnik, kepelbagaian agama serta kekayaan budaya dan tradisi menjadi tunjang kekuatan kita.

Namun, jangan sekali-kali kita alpa kerana perpaduan yang kita miliki ini perlu terus diperkukuh agar tiada ruang untuk diganggu gugat oleh sesiapa pun. Lompang-lompang yang boleh menyumbang kepada perselisihan dan ketegangan walaupun kecil, hendaklah sama-sama kita tangani dengan penuh hemah agar tidak diambil kesempatan oleh mana-mana pihak sekali pun.

Justeru, Dasar Perpaduan Negara ini membuktikan bahawa perpaduan dan integrasi nasional akan terus diangkat sebagai agenda utama Kerajaan. Dokumen yang telah dibangunkan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia untuk menjadi sebuah negara bersatu, makmur dan bermaruah. Perkara ini juga selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Tahniah dan syabas kepada Kementerian Perpaduan Negara kerana nekad menjadikan dasar ini sebagai realiti. Cabarannya kini adalah untuk diterjemahkannya dalam bentuk pelaksanaan yang benar-benar menyumbang kepada perpaduan di peringkat akar umbi. Saya amat berharap, seluruh rakyat Malaysia dapat menghayati semangat serta menjiwai matlamat yang terkandung dalam Dasar Perpaduan Negara dan sama-sama menjayakan usaha murni ini.

Saya mendoakan agar negara kita akan terus mengecapi kejayaan demi kejayaan dan kekal kukuh sebagai sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni. Subur dan kukuhkanlah perpaduan dalam kepelbagaian yang kita miliki ini

**TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN**

# KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Kementerian Perpaduan Negara yang diwujudkan semula pada 10 Mac 2020 memegang amanah sebagai pemacu dan peneraju agenda perpaduan negara yang bersifat inklusif demi kemakmuran bersama dalam kalangan rakyat jelata. Agenda ini dilaksanakan dengan mengubah dan merangkai pelbagai usaha penyatupaduan untuk tujuan membina, memperkukuh dan mengekalkan tapak integrasi sebagai landasan hubungan muhibah sesama rakyat.

Dasar Perpaduan Negara adalah payung utama kepada agenda perpaduan negara yang bertunjangan kepada Perlembagaan dan Rukun Negara. Dasar ini bersifat jangka panjang dan memberikan hala tuju kepada semua pergerakan dalam proses pelaksanaan di semua peringkat. Untuk membolehkan dan memastikan objektif Dasar Perpaduan Negara ini akhirnya tercapai ianya memerlukan penglibatan jitu semua pihak dan lapisan masyarakat, bermula dengan agensi Kerajaan, sektor swasta, himpunan Badan Bukan Kerajaan, kumpulan masyarakat sivil malah setiap rakyat Malaysia. Hasil dari pencapaian itu membolehkan kita memelihara keamanan dan memperkukuh keharmonian negara. Inilah sebenarnya tanggung jawab besar yang perlu bersepadu kita pikul, bak kata pepatah “ringan sama dijinjing, berat sama dipikul.”

Kelangsungan Dasar Perpaduan Negara dan pelaksanaannya sangat bergantung kepada mekanisme jentera organisasi dan tadbir urus yang tersusun dan berkesan lengkap dengan sistem maklum balas untuk memantau prestasi dan pencapaian secara berkala. Melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Kementerian ini akan terus memantapkan mekanisme jentera perpaduan. Mengalir daripada peringkat daerah ke peringkat komuniti akar umbi ialah pelbagai program perpaduan, terutamanya kegiatan organisasi yang sedia ada, seperti kegiatan oleh para unit pelaksana, iaitu, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Sekretariat Rukun Negara (SRN), Kelab Rukun Negara (KRN), Rakan Perpaduan serta Tabika dan Taska Genius Perpaduan yang terdapat di seluruh negara.

**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE**



# PRAKATA YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Perpaduan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya ialah kunci kedamaian, kemakmuran, kestabilan dan kelangsungan pembangunan negara. Tanpa perpaduan, negara tidak akan mencapai kestabilan yang mutlak, kemajuan dan keamanan yang berterusan.

Nikmat yang negara kita peroleh kini ialah bukti yang jelas bahawa formula perpaduan dalam aspek pembangunan dan kemajuan negara berada pada landasan yang betul. Kita mempunyai tahap kerjasama dan toleransi yang amat tinggi dalam kalangan bangsa dan kaum dan dari segi agama di Malaysia. Kesediaan rakyat untuk meraikan kepelbagaian ialah satu kelebihan yang harus kita banggakan.

Perpaduan rakyat Malaysia semakin terserlah di saat kita bersama-sama bersatu untuk memerangi penularan dan memutuskan rangkaian wabak COVID-19. Kesepakatan yang ditunjukkan oleh rakyat sebagai jentera perpaduan pada saat krisis ini berlaku mencerminkan kematangan rakyat memahami makna perpaduan dan kesepaduan sosial antara kaum.

Semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh seluruh jentera rakyat ini juga telah membuatkan Kementerian Perpaduan Negara terus komited untuk menghasilkan Dasar Perpaduan Negara, walaupun dalam keadaan negara memberikan tumpuan sepenuhnya dalam usaha mengawal penyebaran wabak COVID-19. Inilah usaha pertama membangunkan dasar khusus bagi perpaduan oleh kerajaan. Jika selama ini, elemen perpaduan diterapkan secara berasingan dalam dasar-dasar kerajaan yang lain, sudah sampai masanya perpaduan juga mempunyai dasarnya sendiri. Perpaduan dalam Kepelbagaian bukan sekadar mantera yang diucapkan tanpa makna. Konsep perpaduan ini perlu difahami, dihayati dan disemat dalam hati.

Saya menyeru agar kita semua rakyat Malaysia yang cintakan negara untuk terus membudayakan perpaduan sebagai amalan hidup kita yang berterusan. Semarakkan perpaduan. Raikan perbezaan. Hiduplah untuk saling melengkapi.

**SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER**



# PRAKATA

## KETUA SETIAUSAHA

### KEMENTERIAN

## PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan,

Dasar Perpaduan Negara ialah usaha gigih Kementerian Perpaduan Negara bagi mencapai cita-cita perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita.

Inilah usaha pertama dasar khusus bagi perpaduan dibangunkan oleh Kerajaan. Jika selama ini, elemen perpaduan diterapkan secara berasingan dalam dasar-dasar yang lain, sudah sampai masanya perpaduan juga mempunyai dasarnya sendiri.

Matlamat Dasar ini adalah untuk membentuk bangsa Malaysia yang memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara, membangunkan identiti nasional dengan semangat jati diri dan ciri keperibadian yang tinggi, serta rakyat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Hala tuju agenda perpaduan negara ditetapkan berdasarkan tiga (3) teras perpaduan dan 12 strategi merentasi sektor, agensi-agensi awam dan swasta serta masyarakat sivil. Dasar ini perlu dijadikan panduan kepada semua rakyat Malaysia dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan cintakan negara di peringkat individu, keluarga dan komuniti.

Bersama-samalah kita membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian yang kita miliki ini.

**DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MD. RADZI**

## RINGKASAN EKSEKUTIF



Dasar Perpaduan Negara (DPN) ialah satu dokumen strategi jangka panjang dan usaha berterusan yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur. Bagi masyarakat yang berbilang etnik, agama dan budaya, perpaduan perlu menjadi agenda utama agar keamanan dan kelangsungan pembangunan negara terjamin, sekali gus mempertahankan kedaulatan negara.

Tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kedua-duanya merupakan tulang belakang pembangunan Malaysia dan menjadi panduan kepada semua dasar Kerajaan. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.

Hal ini juga selaras dengan matlamat yang digariskan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi mewujudkan sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaung melalui perkongsian hasil kemakmuran negara secara adil dan saksama oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah.

Dasar Perpaduan Negara ialah inisiatif berterusan Kerajaan dalam meneraju agenda perpaduan melalui pelaksanaan tiga (3) teras perpaduan dan disokong oleh 12 strategi sebagai usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan berkeperibadian tinggi; membangunkan identiti nasional yang mempunyai cita-cita sepunya serta mengukuhkan ekosistem perpaduan negara.

Selain teras perpaduan serta strategi yang digariskan dalam dasar ini, terdapat beberapa pemboleh daya perpaduan yang telah dikenal pasti turut menyumbang kepada kemakmuran rakyat dan secara tidak langsung, memberikan kesan kepada perpaduan.

Strategi-strategi dasar ini disokong oleh Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang menetapkan visi perpaduan nasional dan aspirasi perpaduan negara yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun dan diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan oleh Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN). PTPN menggariskan strategi dan program/aktiviti spesifik yang disusun secara jelas dan kohesif mengikut tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang merentasi sektor dan agensi dengan penetapan sasaran pengukuran serta keberhasilan yang ingin dicapai.



DASAR PERPADUAN NEGARA

# PENGENALAN



# EVOLUSI PERPADUAN

Dasar pecah dan perintah oleh penjajah British menyebabkan wujudnya jurang antara etnik di Malaysia yang terpisah dari aspek demografi, ekonomi, politik, bahasa, pendidikan dan pergaulan harian yang memberi kesan kepada perpaduan negara.

Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan pencetus kepada beberapa usaha serta komitmen Kerajaan dalam menangani isu perpaduan sehingga Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. Pada peringkat awal, langkah yang telah diambil berupa tindakan segera yang bertujuan untuk mengekalkan kestabilan politik, keselamatan dan keharmonian negara. Pelbagai langkah dan tindakan dibuat pada ketika itu untuk mewujudkan perpaduan rakyat antaranya menggalakkan interaksi sosial yang lebih tertumpu pada penyertaan masyarakat berbilang etnik dalam majlis dan perayaan yang dianjurkan.

Tumpuan awal telah diberikan kepada usaha merapatkan jurang ekonomi yang wujud antara etnik melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan secara langsung DEB telah menjadi kerangka untuk memperkukuh perpaduan di Malaysia. Bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua (RMKe-2) hinggalah Rancangan Malaysia seterusnya, Kerajaan telah menerapkan elemen pengukuhan dan kesepaduan sosial dalam setiap dasar yang diperkenalkannya.

Sebelum ini, Kerajaan telah berusaha untuk mewujudkan kesepaduan sosial melalui dasar-dasar negara yang berbeza antaranya termasuklah Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Sosial Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Keselamatan Negara, dan Dasar Komuniti Negara. Dasar-dasar ini telah memberikan impak positif untuk mewujudkan keamanan dan kemakmuran, namun jurang keyakinan antara etnik masih ada.

Menerusi penggubalan Dasar Perpaduan Negara, dasar ini berperanan sebagai dasar payung bagi semua usaha dan komitmen Kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional. Kini, wujud pelbagai cabaran baharu yang memberi kesan kepada perpaduan rakyat Malaysia, khususnya dalam kalangan etnik dan penganut agama yang berbeza. Situasi ini semakin mencabar lagi dengan fenomena globalisasi, kemajuan teknologi dan komunikasi tanpa sempadan, pergerakan manusia yang kian meningkat serta persekitaran politik berasaskan perkauman.

Melalui Dasar Perpaduan Negara, isu dan cabaran yang telah dikenal pasti akan dikaji dan diperhalus dari pelbagai aspek bagi mencari formula penyelesaian terbaik. Dasar ini menetapkan hala tuju bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan melalui strategi-strategi khusus agar perpaduan menjadi budaya dan amalan hidup yang dipraktikkan, dihargai dan diimpikan oleh setiap warga Malaysia.

# MENYUSUR JEJAK PERPADUAN

---

**1969****PERISTIWA 13 MEI**

Konflik perkauman menjadi pencetus kepada usaha Kerajaan untuk menangani isu perpaduan.

---

**1970****RUKUN NEGARA**

Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sebagai falsafah negara dalam mencapai perpaduan.

---

**1971****DASAR EKONOMI BARU**

Menjadi kerangka untuk memperkukuh perpaduan menerusi penyusunan semula masyarakat.

---

**2003****DASAR SOSIAL NEGARA**

Bermatlamat untuk mewujudkan masyarakat yang maju dari aspek sosial, ekonomi dan teknologi.

---

**2017****DASAR KESELAMATAN NEGARA**

Mempertahankan nilai-nilai teras negara bagi memastikan Malaysia kekal, selamat dan berdaulat.

---

**2019****DASAR KOMUNITI NEGARA**

Mewujudkan komuniti dan generasi mampan melalui pembangunan komuniti secara inklusif.

---

**2019****DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

Mewujudkan kebudayaan kebangsaan.

---

**2021****DASAR PERPADUAN NEGARA**

Dasar payung yang menetapkan hala tuju Kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional.

---

# KONSEP PERPADUAN

Kesepaduan sosial (*social cohesion*) ialah ungkapan dan konsep yang digunakan oleh pakar akademik untuk menerangkan pengalaman Malaysia dalam aspek hubungan etnik sejak 13 Mei 1969. Sehingga kini, secara purata masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa dan etnik telah hidup aman damai, stabil dan harmoni kerana wujudnya kesepakatan sosial (*social bonding*) yang telah dibina sejak dahulu.

Wujudnya kesepaduan sosial tidak bererti tiada perbezaan dan konflik dalam sesebuah masyarakat. Perbezaan dan konflik tetap wujud kerana melibatkan hubungan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pendidikan. Hakikatnya, kesepaduan sosial dan integrasi nasional menjadi prasyarat dalam merintis jalan puncak ke matlamat akhir, iaitu perpaduan.

Perpaduan secara umumnya ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa dan satu bahasa. Mengambil kira konteks negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, agama dan budaya maka konsep perpaduan yang ditekankan ialah “Perpaduan dalam Kepelbagaian”.

Hal ini berlaku demikian kerana berdasarkan sejarah, rakyat Malaysia telah menerima fakta bahawa masyarakatnya ialah masyarakat majmuk. Perubahan demografi dari segi jumlah populasi rakyat mengikut pecahan etnik telah banyak berubah sejak tahun 1970-an sehingga kini. Pada masa yang sama, wujud pelbagai sistem persekolahan, iaitu sekolah arus perdana, sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa. Semua individu kekal dengan pegangan agama, pengenalan etnik dan budaya masing-masing.

Oleh sebab perbezaan ini, maka usaha ke arah mewujudkan perpaduan di Malaysia perlu dilengkapi dan dilandasi dengan usaha integrasi secara berterusan.




# PENGUKURAN KEMAKMURAN MALAYSIA

## Peringkat Antarabangsa

### Global Peace Index (GPI) 2020

Global Peace Index (GPI) ialah indeks antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Institute for Economics and Peace* (IEP). Fokus indeks ini terarah kepada memahami aspek keselamatan, ketenteraman dan konflik yang berlaku di dalam negara dan di peringkat antarabangsa berdasarkan penelitian terhadap tahap kedamaian di 163 buah negara.

### Kedudukan Malaysia berdasarkan GPI (2015 – 2020)




Nota: Dalam skala 1 hingga 5, dengan bacaan nilai indeks terbaik adalah 1.

Berdasarkan indeks ini, walaupun kedudukan Malaysia telah menurun kepada empat (4) kedudukan berbanding dengan tahun sebelumnya, terdapat penambahbaikan dari segi nilai indeks sebanyak 0.004 mata. Antara indikator yang diukur ialah bilangan dan intensiti konflik dalam negara, kestabilan politik, persepsi terhadap jenayah dan demonstrasi ganas. Perspektif mengenai keamanan seperti perasaan diri dihormati dan kebebasan dalam kehidupan turut diukur.

Sumber: *Global Peace Index Report 2015-2020*

Kedudukan 20 negara teratas dalam *Global Peace Index (GPI) 2020*



Kedudukan GPI Malaysia antara negara ASEAN


Sumber: *Global Peace Index 2020 Report*

# PENGUKURAN KEMAKMURAN MALAYSIA

## Peringkat Nasional

### Laporan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2020.

Laporan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) ialah sebuah model komprehensif pengukuran di peringkat nasional dengan menggunakan kaedah empirikal dan sistematik bagi memahami dan menjelaskan kedinamikan masyarakat di Malaysia. IPNas merupakan indeks yang menjadi petunjuk/penanda aras dalam mengukur tahap pencapaian kesepaduan sosial dan perpaduan nasional di Malaysia.



Nilai dan Unjuran Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)

Sumber: IPNas 2018

Nilai IPNas 2020 ialah 0.567. Nilai indeks ini tinggi berdasarkan skala antara 0 hingga 1 yang dinyatakan oleh Cohen (1988) sebagai petunjuk yang sesuai bagi kajian sains tingkah laku manusia.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap perpaduan di Malaysia kuat dan kukuh walaupun defisit sosial masih wujud. Usaha penyatupaduan perlu dilaksanakan secara berterusan dengan memberikan fokus kepada isu-isu tertentu dari semasa ke semasa.

Nilai IPNas 2020 akan dijadikan sebagai asas atau penanda aras kepada pengukuran tahap perpaduan masyarakat bagi tahun-tahun berikutnya. IPNas kini dalam proses penambahbaikan dengan mengemas kini semula set instrumen soal selidik dan konstruk analitikal agar pengukuran tahap perpaduan di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan tepat.



DASAR PERPADUAN NEGARA

# **ISU DAN CABARAN PERPADUAN**



# DEFISIT SOSIAL

Secara umumnya, terdapat isu dan cabaran yang sering berlegar dalam masyarakat tetapi dikaitkan sebagai masalah perpaduan dalam konteks yang kurang tepat. Melalui beberapa sesi konsultasi yang menyeluruh, pelbagai isu dan cabaran telah dibangkitkan oleh rakyat Malaysia yang dapat dikategorikan kepada 10 perkara di bawah defisit sosial, iaitu:



# DEFISIT SOSIAL

## ETNISITI

Kepelbagaian etnisiti sering kali dianggap sebagai batasan utama yang menggugat perpaduan. Realitinya, perpaduan ialah perkara yang perlu diurus dan dipertingkatkan melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat interetnik dan intraetnik dengan penuh berhemah.

## AGAMA

Perbezaan pegangan agama ternyata disalah faham sebagai sempadan yang menghalang perpaduan dalam masyarakat kerana dilihat dalam konteks yang kurang tepat. Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan dengan agama yang berbeza memberikan kesan kepada hubungan dan interaksi dalam masyarakat.

## KELAS SOSIAL

Tidak dinafikan bahawa setiap sistem sosial masyarakat mempunyai hierarki kelas sosial yang disebabkan oleh struktur etnik, keturunan, pekerjaan, jawatan mahupun ekonomi. Perkara ini seharusnya tidak menjadi penghalang kepada perpaduan kerana setiap kelas sosial masyarakat saling melengkapi dari segi peranan dan tanggungjawab.

Perpaduan dalam kelas sosial perlu diuruskan dengan mencipta tapak integrasi yang memenuhi keperluan dan tujuan masyarakat meliputi kelas sosial.

## PENDIDIKAN

Kewujudan institusi sekolah pelbagai aliran di negara ini (seperti sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa) sering kali difahami sebagai kekangan kepada usaha pemupukan perpaduan kepada rakyat kerana dilihat dalam konteks pemisahan berasaskan etnik.

Hakikatnya, sistem pendidikan perpaduan yang dibina dan diamalkan akan berkesan sekiranya kandungan, kaedah dan program penghayatan perpaduan dalam setiap institusi dan sistem pendidikan yang wujud di dalam negara ini adalah seragam, bermula dari pendidikan awal kanak-kanak hinggalah peringkat pengajian tinggi.

## BAHASA

Bahasa Melayu telah termaktub sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan menjadi alat interaksi dan komunikasi kepada rakyat berbilang kaum dalam negara ini.

Isu dan cabaran sebenar dalam konteks perpaduan adalah untuk melaksanakan pendidikan bahasa kebangsaan dalam semua institusi dan peringkat pendidikan agar semua rakyat mampu bertutur, menulis dan memahami antara satu sama lain merentasi etnik dalam suatu bentuk kesatuan pemikiran dan identiti sebagai rakyat Malaysia. Hasil pendidikan ini seterusnya mampu menggerakkan rakyat mengaplikasikan bahasa sebagai alat untuk menjayakan perpaduan dalam pelbagai aspek kehidupan.

## JURANG GENERASI

Masyarakat Malaysia kini mempunyai pelbagai lapisan generasi yang berstruktur dalam konteks usia, pendidikan, pekerjaan, ideologi dan budaya yang menyebabkan berlakunya pertembungan dari segi nilai, budaya, semangat jati diri dan tahap toleransi. Jurang generasi ini dilihat kian melebar. Isu dan cabaran perpaduan sudah pasti berbeza antara generasi dan amat memerlukan pendekatan yang bersesuaian berdasarkan pengalaman hidup dalam setiap generasi.

## GENDER

Walaupun isu gender sering kali diungkapkan sebagai perbezaan kesaksamaan hak antara lelaki dengan wanita, dalam konteks perpaduan persoalan gender sepatutnya dilihat dalam skop peranan dan kapasiti lelaki dan wanita untuk menjayakan agenda perpaduan pada peringkat individu, keluarga dan komuniti.

Sebagai contoh, wanita berkerjaya dan suri rumah sepenuh masa sudah pasti mampu berperanan dan mempunyai kapasiti dalam ruang berbeza untuk menjayakan perpaduan. Keupayaan merungkai peranan dan kapasiti gender menggunakan konteks perpaduan sebenar mampu mencorakkan pembangunan masyarakat dengan lebih dinamik.

## POLITIK FEDERALISME

Pentadbiran dan sistem tadbir urus pada peringkat Persekutuan dan negeri perlu dilihat dari aspek sempadan politik, ekonomi dan sosial kerana terdapat perkara yang telah dipersetujui sebagai urusan peringkat negeri (seperti agama dan tanah).

Politik federalisme muncul sebagai isu dan cabaran yang cuba mengheret perpaduan apabila isu-isu etnik diperdebatkan dalam konteks hak masing-masing dalam Perlembagaan. Oleh itu, politik federalisme perlulah diteliti dan dibincangkan dalam konteks permasalahan yang sebenar. Pemimpin di setiap peringkat juga memainkan peranan penting sebagai pemangkin perpaduan.

## **RUANG BANDAR-DESA**

Ruang bandar dan desa sering dibezakan melalui kekangan fizikal dan infrastruktur yang telah mencorakkan ciri sosial masyarakat dan aktiviti ekonomi. Dalam konteks perpaduan, isu dan cabaran sebenar menjangkau kekangan ini dan perlu dilihat pada kesediaan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti memanfaatkan ruang bandar-desa dalam mengukuhkan perpaduan, bersesuaian dengan keperluan dan cabaran yang berbeza antara bandar dengan desa.

## **MEDIA**

Hebahan maklumat yang amat pantas merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh semua negara. Penyalahgunaan media massa dan digital oleh pihak yang tidak bertanggungjawab pula boleh menggugat kestabilan dan perpaduan. Oleh itu, komunikasi yang lebih berkesan dan penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuh bagi mengimbangi kesan negatif akibat kepesatan teknologi media yang semakin mencabar ruang perpaduan masa kini.





DASAR PERPADUAN NEGARA

**ASAS  
PEMBANGUNAN  
DASAR PERPADUAN  
NEGARA**

# ASAS PEMBANGUNAN DASAR PERPADUAN NEGARA

Dasar Perpaduan Negara telah dibangunkan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah undang-undang tertinggi negara dan telah menjadi asas kepada pembentukan negara ini serta identiti rakyat Malaysia. Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan perlu dihayati dan difahami oleh semua rakyat kerana melibatkan tolak ansur, kompromi dan pengorbanan semua pihak serta berlandaskan proses persetujuan timbal balik atau perkongsian kuasa antara pelbagai etnik.

Antara lima (5) perkara asas (*grundnorm*) yang telah dipersetujui dalam pembentukan pelantar integrasi ialah penerimaan beberapa perkara asas yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

- ◆ Perkara 3(1): Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
- ◆ Perkara 152(1): Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi, namun bahasa ibunda kaum lain boleh diajar dan digunakan.
- ◆ Perkara 153: Kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak diiktiraf, namun kepentingan kaum lain juga dilindungi.
- ◆ Perkara 181: Kedaulatan Raja-Raja Melayu dijunjung.
- ◆ Bahagian III: Hak kewarganegaraan diberikan kepada mereka yang mempunyai kelayakan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

# RUKUN NEGARA

Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong semasa ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 berikutan daripada peristiwa 13 Mei 1969. Rukun Negara ialah suatu ideologi untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik dengan tujuan utama, iaitu membentuk perpaduan yang kukuh.

Cita-cita dan aspirasi yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci keharmonian dan perpaduan rakyat demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Hal ini menjadi asas kepada Dasar Perpaduan Negara.

## RUKUN NEGARA

**Bahawasanya Negara kita, Malaysia mendukung cita-cita hendak:**

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:**

- Kepercayaan kepada Tuhan;
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
- Keluhuran Perlembagaan;
- Kedaulatan Undang-undang; dan
- Kesopanan dan Kesusilaan.



DASAR PERPADUAN NEGARA

# **DASAR PERPADUAN NEGARA**



# PERNYATAAN DASAR

Dasar Perpaduan Negara ialah dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep "**Perpaduan dalam Kepelbagaian**" untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

## OBJEKTIF

Objektif Dasar Perpaduan Negara ialah:





DASAR PERPADUAN NEGARA

# **TERAS PERPADUAN**

# DASAR PERPADUAN NEGARA



## TERAS 01 PATRIOTISME DAN DEMOKRASI

### STRATEGI :

1. Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan **Perlembagaan Persekutuan** dan **Rukun Negara** sebagai asas amalan hidup.
2. Meningkatkan pemahaman dan penghayatan **sejarah Malaysia**.
3. Memperkukuh **integrasi nasional**.



## TERAS 02 IDENTITI NASIONAL

### STRATEGI :

1. Mengukuhkan peranan **bahasa** sebagai **medium integrasi perpaduan**.
2. Mengukuhkan kefahaman **agama, budaya dan adat resam** pelbagai etnik.
3. Membentuk masyarakat **berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia**.



## TERAS 03 EKOSISTEM PERPADUAN

### STRATEGI :

1. Memantapkan **keberkesanan komunikasi** bagi meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat.
2. Mengekalkan, membina dan mengukuhkan **tapak integrasi perpaduan**.
3. Memperkasakan jentera perpaduan melalui **kerjasama strategik**.
4. Memantapkan dan memperkasakan **institusi keluarga dan komuniti**.
5. Meningkatkan **penguatkuasaan undang-undang** serta keberkesanan mekanisme **pemantauan**.
6. Memperkukuh peranan **pemimpin** sebagai **pemangkin perpaduan**.

# TERAS PERPADUAN





# TERAS PERPADUAN 01

## Patriotisme Dan Demokrasi



### STRATEGI

1. Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas amalan hidup.
2. Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah Malaysia.
3. Memperkukuh integrasi nasional.

**Patriotisme** merujuk **perasaan cinta terhadap negara** yang bercirikan **ketaatan kepada undang-undang dan kesetiaan** yang tidak berbelah bagi berasaskan prinsip ingkaran yang terbaik untuk negara. Semangat ini harus dipupuk dan dididik sejak awal dan semangat ini saling berkait dengan kematangan demokrasi dalam kalangan rakyat.

Rakyat yang mempunyai jiwa patriotisme yang utuh akan melaksanakan **tanggungjawab** sebagai seorang rakyat Malaysia untuk **mengekalkan keharmonian, keamanan dan kesejahteraan negara, di mana sahaja dirinya berada. Demokrasi matang** bermaksud mempunyai semangat cintakan negara serta **memahami** dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dalam **mengamalkan sistem demokrasi** negara.

Oleh itu **penguasaan ilmu** pengetahuan dan **kefahaman** rakyat berhubung dengan **sejarah Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** perlu dipertingkatkan melalui pembelajaran sepanjang hayat. Usaha memperkukuh integrasi nasional antara negeri dan wilayah dari aspek kepelbagaian etnik serta kefahaman budaya dan adat resam perlu dimantapkan.

# TERAS PERPADUAN 01

## Patriotisme Dan Demokrasi

### Strategi 1:

**Meningkatkan Literasi, Pemahaman dan Penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara Sebagai Asas Amalan Hidup.**



Satu mekanisme yang utuh perlu diwujudkan di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi menyemai dan memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan pelajar dan mahasiswa. Matlamat utama adalah untuk **meningkatkan kesedaran dan mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara** dalam kehidupan seharian sebagai usaha melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, berwawasan, bermaruah dan beretika.

Peningkatan tahap **kecelikan demokrasi** yang berasaskan **kefahaman Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara** akan membentuk rakyat Malaysia yang matang dalam berpolitik dan menyuarakan pandangan. Penekanan wajar diberikan kepada pendidikan formal **yang menekankan pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara**. Pendekatan ini disesuaikan mengikut tahap pembelajaran pelajar di peringkat sekolah sehingga IPT serta secara pendidikan tidak formal melalui pembelajaran sepanjang hayat. Semangat Rukun Negara pula perlu diterapkan di tahap pendidikan awal lagi.

# TERAS PERPADUAN 01

## Patriotisme Dan Demokrasi

### Strategi 2:

**Meningkatkan  
Pemahaman dan  
Penghayatan  
Sejarah Malaysia.**



Rakyat Malaysia yang memahami serta menghayati sejarah negara akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan peranan masing-masing agar perpaduan yang terbina akibat pengorbanan masa lalu dapat dipelihara. Pendidikan dan perkongsian sejarah Malaysia yang seimbang, seperti sejarah penubuhan Malaysia, kemerdekaan serta Perjanjian Malaysia 1963 berupaya untuk meningkatkan jati diri dan semangat patriotisme di samping melindungi hak setiap rakyat.

# TERAS PERPADUAN 01

## Patriotisme Dan Demokrasi

### Strategi 3:

#### Memperkuh Integrasi Nasional.



Usaha-usaha merapatkan jurang perbezaan dan menggalakkan proses integrasi di setiap wilayah dan negeri serta antara pelbagai etnik perlu dipertingkatkan bagi mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional. Khususnya jurang antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dari aspek pembangunan dan kebolehcapaian serta akses kepada kebajikan perlu diselesaikan bersama.

Perpaduan dan integrasi nasional yang mantap memerlukan kekuatan hubungan masyarakat yang berpaksikan toleransi dan persefahaman yang tinggi yang akhirnya akan membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu. Proses integrasi nasional yang dipraktikkan tidak akan mengikis ciri-ciri unik kaum masing-masing.

# TERAS PERPADUAN 02

## Identiti Nasional



### STRATEGI

1. Mengukuhkan **peranan bahasa** sebagai **medium integrasi perpaduan**.
2. Mengukuhkan **kefahaman agama, budaya dan adat resam** pelbagai etnik.
3. Membentuk masyarakat **berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia**.

Matlamat membina sebuah bangsa yang berjaya perlu seiring dengan usaha **memperkuh perpaduan, penyatupaduan dan kesepaduan sosial** dalam kepelbagaian etnik dan agama serta kerencaman budaya dan adat resam yang kita miliki.

Malaysia mempraktikkan cara mengikut **acuannya yang tersendiri** dalam membina dan **merekayasa identiti nasional** di samping memastikan hubungan antara etnik sentiasa terpelihara. Sepertimana yang dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030:



***Perpaduan melalui negara bangsa ialah masyarakat yang memahami, menghormati dan bertanggungjawab bagi memastikan Malaysia terus membangun seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif untuk semua.***



Peranan **bahasa kebangsaan**, sepertimana yang termaktub di bawah **Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan** terus dipelihara dan dimartabatkan sebagai bahasa yang mencerminkan identiti nasional. Bahasa kebangsaan mampu menyimpul kukuh ikatan perpaduan negara yang berbilang bangsa sebagai **bahasa pengantar utama**. **Agama Islam sebagai agama Persekutuan** adalah termaktub di bawah Perkara 3(1). Namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.

**Kerencaman budaya dan adat resam** yang dimiliki perlu diraikan dan bukannya menjadi penghalang untuk melahirkan rasa kebersamaan dan mempererat hubungan antara etnik. **Kefahaman dan penerimaan budaya** yang pelbagai ini sangat penting untuk diterapkan dalam diri setiap individu.

Pembangunan dan pemantapan **sahsiah serta keperibadian yang tinggi** ialah agenda yang dititikberatkan dalam membentuk identiti nasional. Hal ini demikian kerana identiti nasional yang ingin dilahirkan ialah **suatu bangsa yang bukan sahaja dapat bersatu dalam kepelbagaian, malah suatu bangsa yang mempunyai keperibadian yang tinggi dan membanggakan**.



# TERAS PERPADUAN 02

## Identiti Nasional

### Strategi 1:

**Mengukuhkan Peranan Bahasa Sebagai Medium Integrasi Perpaduan.**



Penguasaan bahasa Melayu perlu ditekankan sejak di peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi dan diteruskan di semua peringkat meliputi sekolah rendah dan menengah, malah sebagai subjek wajib di IPT. Kebiasaan berkomunikasi dalam bahasa yang difahami bersama merupakan satu petanda masyarakat menerima usaha kebersamaan dan cinta akan negara demi perpaduan.

Bagi mengukuhkan integrasi dalam kalangan pelbagai etnik, usaha serta galakan mempelajari bahasa etnik tempatan yang berbeza perlu dipertingkatkan bagi menggalakkan interaksi antara pelbagai etnik.



# TERAS PERPADUAN 02

## Identiti Nasional

### Strategi 2:

**Mengukuhkan  
Kefahaman  
Agama, Budaya  
dan Adat Resam  
Pelbagai Etnik.**



Usaha untuk memupuk dan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap agama-agama yang berbeza dapat membentuk dan membuka ruang interaksi yang lebih luas antara masyarakat yang mempunyai pegangan agama yang berbeza.

Pemahaman dan penghayatan budaya dan adat resam pelbagai etnik wajar didedah dan dibentuk di peringkat awal kanak-kanak lagi. Institusi pendidikan berperanan dalam menyediakan **suasana yang kondusif, menggalakkan percampuran** serta **meningkatkan kesedaran** tentang kepelbagaian budaya dan adat resam dalam kalangan pelajar.

Sektor swasta dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) juga memainkan peranan penting bagi **mengetengahkan, mempromosikan serta mengarusutamakan kepelbagaian budaya.**

## TERAS PERPADUAN 02

### Identiti Nasional

#### Strategi 3:

**Membentuk Masyarakat Berkeperibadian Tinggi, Berintegriti dan Berakhlak Mulia.**



Pembentukan masyarakat yang berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia memerlukan usaha berterusan bagi memastikan terbinanya sebuah negara bangsa yang cakna, bertanggungjawab dan mempertahankan kedaulatan negara, tidak kira di mana mereka berada.



# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan



### STRATEGI

1. Memantapkan **keberkesanan komunikasi** bagi meningkatkan kesedaran sosial dalam masyarakat.
2. Mengekalkan, membina dan mengukuhkan **tapak integrasi perpaduan**.
3. Memperkasakan jentera perpaduan melalui **kerjasama strategik**.
4. Memantapkan dan memperkasakan **institusi keluarga dan komuniti**.
5. Meningkatkan **penguatkuasaan undang-undang** dan keberkesanan **mekanisme pemantauan**.
6. Memperkukuh peranan **pemimpin** sebagai **pemangkin perpaduan**.

Ekosistem perpaduan menyediakan **persekitaran dan ruang yang kondusif** bagi menggalakkan dan mencambahkan benih perpaduan dalam masyarakat dengan mengambil kira cabaran, persekitaran dan pengaruh global. Peranan dan tanggungjawab ini perlu dimainkan oleh pelbagai pihak termasuklah pemimpin politik, agensi Kerajaan, pihak swasta, pengamal media, NGO, masyarakat sivil dan rakyat secara keseluruhannya.

Setiap komponen dalam ekosistem saling berkait dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Aspek komunikasi, tapak integrasi, tadbir urus jentera perpaduan, keluarga dan komuniti, undang-undang serta peranan pemimpin perlu diberikan perhatian dalam mewujudkan persekitaran yang membudayakan perpaduan.

# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan

### Strategi 1:

**Memantapkan Keberkesanan Komunikasi bagi Meningkatkan Kesedaran Sosial dalam Masyarakat.**



Terdapat dua aspek di bawah strategi ini iaitu **penggunaan platform media secara beretika** serta **pengukuhan komunikasi dari segi penyampaian yang lebih efektif** dalam menyebarkan maklumat yang sah.

Kepesatan pembangunan dan teknologi media hendaklah selari dengan usaha-usaha pengawalan dan pendidikan pengamalan media secara bertanggungjawab bagi memastikan perkara ini digunakan secara beretika dan tidak diambil kesempatan bagi tujuan memecahbelahkan perpaduan.

Mengambil manfaat kelebihan media sosial sebagai **medium penyebar maklumat tepat**, Kerajaan, pengamal media, sektor swasta dan masyarakat sivil perlu memainkan **peranan masing-masing selaku ejen perpaduan secara kreatif dan berkesan**.



# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan

### Strategi 2:

**Mengekalkan, Membina dan Mengukuhkan Tapak Integrasi Perpaduan.**



**Tapak integrasi** ialah satu ruang abstrak dan fizikal yang **menemukan pelbagai pihak berkepentingan untuk bersama-sama mencari penyelesaian**. Tapak integrasi ialah medium yang dinamik bagi menguruskan pertelingkahan dan perselisihan faham yang wujud dalam komuniti. Usaha penyatupaduan masyarakat memerlukan pembinaan dan pengukuhan tapak integrasi secara berterusan.

Rakyat Malaysia juga perlu mempunyai **semangat kesukarelawanan** yang tinggi bagi menunjukkan kesedaran terhadap **peranan dan tanggungjawab** masing-masing dalam **komuniti**. Penglibatan rakyat, khususnya generasi muda dalam aktiviti kebajikan dan kesukarelawanan bukan sahaja memberikan impak positif kepada diri sendiri, malah masyarakat setempat yang memerlukan perhatian serta bantuan.

Aktiviti sosial lain seperti kebudayaan dan sukan dalam komuniti juga perlu dilaksanakan dengan lebih aktif sebagai tapak integrasi yang meningkatkan interaksi sosial merentasi etnik, agama dan kelas sosial.

# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan

### Strategi 3:

**Memperkasakan Jentera Perpaduan melalui Kerjasama Strategik.**



Pengukuhan **mekanisme pelaksana dan jentera perpaduan** melalui pemantapan sistem tadbir urus yang inklusif di pelbagai peringkat sehingga ke akar umbi. Perkara ini bagi memastikan dasar serta pelan tindakan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam masa yang sama, **kerjasama dan usaha yang lebih bersepadu** antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di peringkat pusat, negeri dan daerah perlu diperkasakan.

**Kerjasama strategik dan kreatif** bersama-sama sektor swasta dan NGO serta masyarakat sivil perlu dipertingkatkan agar kepakaran semua pihak dapat digunakan sepenuhnya melalui **penyampaian perkhidmatan yang berkesan** kepada kumpulan sasaran. Setiap komuniti mempunyai isu dan cabaran perpaduan yang berbeza. Oleh itu, intervensi dan kaedah penyelesaian adalah berbeza dan khusus mengikut kesesuaian.

# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan

### Strategi 4:

**Memantapkan dan Memperkasakan Institusi Keluarga dan Komuniti.**



Pengukuhan **institusi keluarga** amat penting dalam pembentukan sahsiah individu yang merupakan unit asas pembentukan sebuah masyarakat yang maju dan mampan. Bagi memastikan potensi setiap keluarga dicapai, kesejahteraan keluarga serta **penglibatan aktif dalam komuniti** harus diperkukuh.

Setiap anggota keluarga perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam keluarga dan komuniti, bermula dengan memberi contoh teladan yang baik kepada anak dan masyarakat setempat. Peranan setiap anggota keluarga dan gender amatlah penting dalam menyumbang nilai-nilai yang berbeza berdasarkan pengalaman dan keupayaan masing-masing pada peringkat individu, keluarga dan komuniti.

# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan

### Strategi 5:

**Meningkatkan Penguatkuasaan Undang-Undang dan Keberkesanan Mekanisme Pemantauan.**



Pentadbiran negara yang berlandaskan **prinsip kedaulatan undang-undang** telah menjamin hak kebebasan rakyat sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Setiap rakyat Malaysia perlu mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa serta memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.

Sebagai contoh dari aspek perpaduan, keharmonian negara terus dipelihara melalui peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan Akta Hasutan 1948 [Akta 15]. Perkara ini perlu diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab melalui tindakan penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial.

# TERAS PERPADUAN 03

## Ekosistem Perpaduan

### Strategi 6:

**Memperkukuh  
Peranan  
Pemimpin  
Sebagai  
Pemangkin  
Perpaduan.**



Pengaruh dan peranan pemimpin sebagai pemangkin perpaduan tidak boleh dinafikan. Untuk itu, semua peringkat kepimpinan bermula dari peringkat Persekutuan, negeri, daerah sehingga peringkat akar umbi serta pemimpin dalam sesebuah organisasi perlu menjadi teladan dan contoh terbaik kepada rakyat dan komuniti. Negara juga perlu bergerak ke arah landskap politik yang menggalakkan perpaduan serta meningkatkan amalan saling menghormati dan toleransi dalam kalangan masyarakat.





DASAR PERPADUAN NEGARA

# **PEMBOLEH DAYA PERPADUAN**

# PEMBOLEH DAYA PERPADUAN

Selain teras perpaduan serta strategi yang digariskan di dalam dasar ini, terdapat beberapa **pemboleh daya perpaduan** yang telah dikenal pasti turut **menyumbang kepada kemakmuran** rakyat dan secara tidak langsung **memberi kesan kepada perpaduan**.

Pembangunan yang seimbang dan inklusif dalam usaha merapatkan jurang sosioekonomi menjadi pemacu kepada perpaduan negara dan integrasi nasional. Jurang antara wilayah, bandar dan luar bandar perlu ditangani agar tiada rakyat yang ketinggalan dalam arus pembangunan. Perkara-perkara ini dilihat sebagai pemboleh daya yang **penting untuk diambil kira dan diberikan perhatian** oleh Kementerian dan organisasi yang bertanggungjawab secara bersama dari aspek pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu.



# PEMBOLEH DAYA PERPADUAN

## Pemboleh Daya 1 : Meningkatkan peluang ekonomi yang saksama

Mengimbangi **taraf sosioekonomi antara etnik dengan wilayah** perlu dilaksanakan tanpa mengira kepentingan mana-mana pihak. Agenda pembangunan diteruskan dengan memberikan tumpuan kepada **golongan yang terpinggir, wilayah terpencil serta negeri yang ketinggalan dari aspek pembangunan.**

## Pemboleh Daya 2 : Memperkasakan kumpulan minoriti dan rentan ekonomi

Keterangkuman merupakan salah satu prinsip utama dalam rancangan pembangunan negara bagi memastikan **tiada golongan yang akan tercicir** dalam arus pembangunan. Golongan tersebut termasuklah kumpulan B40, rentan ekonomi, masyarakat Orang Asli, bumiputera Sabah dan Sarawak, orang kurang upaya (OKU), belia, wanita, kanak-kanak dan warga emas. Setiap golongan tersebut mempunyai keperluan khusus yang perlu disediakan bagi **memenuhi potensi masing-masing serta meningkatkan peluang untuk menyumbang** secara aktif dalam ekonomi dan sosial negara.



# PEMBOLEH DAYA PERPADUAN

## Pemboleh Daya 3 : Mengukuhkan jaringan perlindungan sosial dan memperkasakan inovasi sosial

Bagi memastikan golongan terpinggir tidak terus tercicir daripada arus pembangunan, jaringan **perlindungan sosial** perlu diperkukuh. Perkara ini melibatkan pelbagai langkah strategik bagi mencegah, mengurus dan mengatasi cabaran-cabaran yang melanda rakyat melalui program-program perlindungan sosial serta program peningkatan kapasiti dan keupayaan kumpulan sasaran. **Perlindungan dan jaringan sosial yang lebih kukuh** harus disediakan agar **kumpulan yang mudah terkesan** mampu berdiri sendiri dalam keadaan sukar, sepertimana yang telah berlaku semasa penularan wabak COVID-19.

Penambahbaikan **sistem penyampaian perkhidmatan kebajikan dan bantuan sosial** kepada golongan yang memerlukan juga harus dilaksanakan secara **bersasar** agar lebih berkesan dan **mengurangkan ketirisan**. **Intervensi khusus** perlu diberikan kepada kumpulan sasaran yang berbeza supaya perancangan sewajarnya dapat dilaksanakan agar kumpulan ini tidak terus bergantung pada bantuan kebajikan oleh Kerajaan.

Dalam menyediakan **penyelesaian mampan berjangka panjang**, pelaburan ke atas **inovasi sosial** amat penting. Inovasi sosial merangkumi **idea, inisiatif, projek atau program** bagi **menyelesaikan masalah sosial melibatkan individu, sektor swasta dan NGO**.

Agensi Kerajaan serta NGO seharusnya **bekerjasama dan memainkan peranan** serta menyumbangkan **kepakaran** masing-masing. Hal ini demikian untuk memastikan **akses serta mekanisme perkhidmatan bantuan sosial** dapat dilaksanakan dengan **telus dan lebih berkesan**. **Perkongsian data** antara agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri juga penting agar masalah sosial dapat diselesaikan dan **mengelakkan berlakunya pertindihan serta ketirisan**.





# PEMBOLEH DAYA PERPADUAN

## Pemboleh Daya 4 : Merapatkan jurang pembangunan dan kebolehcapaian antara negeri dengan wilayah

**Jurang pembangunan** bukan sahaja wujud antara **wilayah**, malah wujud antara **negeri**. Sepertimana yang dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, bagi memastikan **kemakmuran** dapat dikongsi bersama, ekonomi serta pembangunan perlu melangkaui sempadan geografi agar pertumbuhan **teragih secara lebih adil serta menyeluruh** dan dirasakan oleh rakyat.

Prinsip ekonomi teragih, pembangunan infrastruktur yang lebih luas serta **peningkatan akses dan kebolehcapaian fizikal dan komunikasi digital** antara aspek yang perlu diberikan tumpuan utama dalam pembangunan negara ke arah perpaduan mampan.





## KESIMPULAN

Dasar Perpaduan Negara menggariskan teras perpaduan yang perlu difahami dan diamalkan. Menerusi dasar ini, semua pihak perlu **memberikan kerjasama** bagi memastikan strategi yang disusun dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk **mencapai matlamatnya iaitu untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan** negara.

Sebagai sebuah negara yang memiliki keunikan, perpaduan ialah agenda utama agar **kelangsungan pembangunan negara terjamin**. Perpaduan bukan sesuatu yang statik dan boleh dicapai secara mutlak tetapi **perlu dipupuk, dipelihara dan diperkukuh secara berterusan**. Perpaduan memerlukan komitmen penuh oleh semua pihak, iaitu agensi Kerajaan, swasta, masyarakat sivil dan rakyat keseluruhannya.

Penekanan dan pendekatan yang diambil dalam pelaksanaan dasar ini selaras dengan dasar dan aspirasi Kerajaan bagi membina sebuah negara yang **maju, aman, makmur, berintegriti dan bersatu padu serta diiktiraf di peringkat global**.

## GLOSARI

*Defisit sosial* bermaksud kekurangan dalam konteks sosial yang memerlukan usaha penyatupaduan berterusan untuk meningkatkan tahap kesepaduan. Kekurangan ini disebabkan oleh jurang perbezaan persepsi dan pendapat dalam kalangan kelompok yang berbeza bermula dengan individu, keluarga dan masyarakat.

*Integrasi nasional* merupakan satu proses dinamik yang merapatkan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa yang mempunyai identitinya sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

*Jurang sosial* bermaksud perkara-perkara yang perlu dirungkai dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kesepaduan sosial masyarakat berbilang etnik.

*Kesepaduan* bermaksud keadaan bersepadu aman, stabil, makmur dan sejahtera yang wujud dalam masyarakat berbilang etnik namun masih berdepan dengan jurang sosial yang perlu diuruskan sentiasa.

*Kumpulan minoriti dan rentan* ialah komuniti etnik yang jauh di pedalaman, masyarakat peribumi di desa dan golongan miskin yang berasa amat terpinggir daripada komuniti arus perdana.

*Mediasi* bermaksud pengantaraan, iaitu suatu proses ke arah menyelesaikan kebuntuan antara dua pihak yang berbalah melalui pengantaraan (pihak ketiga).

*Penyatupaduan* bermaksud perbuatan menyatupadukan, iaitu usaha berterusan untuk menyatupadukan individu, keluarga dan komuniti dalam semua lapisan masyarakat.

*Perpaduan* bermaksud kesatuan masyarakat yang diidamkan sebagai matlamat akhir sesebuah negara berbilang etnik.

*Tapak integrasi* ialah satu ruang abstrak dan fizikal yang menemukan pelbagai pihak berkepentingan bersama-sama mencari penyelesaian. Formula membina dan pelaksanaan tapak integrasi adalah secara tawar-menawar, perundingan dan mediasi. Contoh ikonik tapak integrasi ialah Perlembagaan Persekutuan, manakala tapak integrasi fizikal adalah seperti majlis perayaan dan keraian, sukan, makanan dan sebagainya yang mampu menghubungkan dan melibatkan interaksi sosial antara rakyat pelbagai lapisan masyarakat.

# KREDIT EDITORIAL

## Gambar Pada Kulit Hadapan Dan Belakang Buku :

KKATTASWEER / Shutterstock.com

encikAn / Shutterstock.com

Lens Hitam / Shutterstock.com

SL Chen / Shutterstock.com

Augustine Bin Jumat / Shutterstock.com

manzrussali / Shutterstock.com

cyangpix / Shutterstock.com

CHEN WS / Shutterstock.com

Shahjehan / Shutterstock.com

muhammad afzan bin awang / Shutterstock.com

Abdul Razak Latif / Shutterstock.com

udeyismail / Shutterstock.com

msyaraafiq / Shutterstock.com

Jasni / Shutterstock.com

Lano Lan / Shutterstock.com

Sylvia sooyoN / Shutterstock.com

Fadhli Adnan / Shutterstock.com

Jaggat Rashidi / Shutterstock.com

Nokuro / Shutterstock.com

fiz\_zero / Shutterstock.com

NAUFAL ZAQUAN / Shutterstock.com

Oqbas / Shutterstock.com

Azami Adiputera / Shutterstock.com

fuadstephan / Shutterstock.com

Sallehudin Ahmad / Shutterstock.com

Laboo Studio / Shutterstock.com

Aiman Khair / Shutterstock.com

Ezz Mika Elya / Shutterstock.com

## Gambar Pada Kandungan Dalam :

Sallehudin Ahmad / Shutterstock.com. M/s 23

Patchamol Jensatienwong / Shutterstock.com.  
M/s 24

Sylvia sooyoN / Shutterstock.com. M/s 25

NAUFAL ZAQUAN / Shutterstock.com. M/s 27

Magic Orb Studio / Shutterstock.com. M/s 27 & 39

fiz\_zero / Shutterstock.com. M/s 29

Fadhli Adnan / Shutterstock.com. M/s 32

Lano Lan / Shutterstock.com. M/s 33

structuresxx / Shutterstock.com. M/s 36

peacefoo / Shutterstock.com. M/s 40



**#perpaduan**  
**suatukebiasaan**







📍 perpaduannegara

📘 PerpaduanNegara

🐦 @PerpaduanNegara



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,  
Lebuhr Perdana Timur, Presint 1,  
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000

Emel: pro@perpaduan.gov.my